

# BAHASA MELAYU



 **saujuan.sg** **PENGGOLONGAN KATA**  
**kata sendi nama turunan**

## MOHAMED NAIM DAIPI





# KATA PRAKLAUSA

Kata Prafrasa ialah perkataan yang terletak di hadapan frasa yang mendukung tugas-tugas tertentu bagi membuat penegasan, penafian, pemerian, penyendian, pembilangan, serta menunjukkan arah.

**KATA SENDI NAMA** ✓

**KATA BANTU**

**KATA PENGUAT**

**KATA PENEGAS**

**KATA NAFI**

**KATA PEMERI**

**KATA ARAH**

**KATA BILANGAN**

Kata Sendi Nama atau Kata Depan merupakan kata tugas yang diikuti dengan kata atau frasa nama bagi membentuk frasa sendi. Berdasarkan bentuknya, kata sendi nama boleh dibahagikan kepada:



# KATA SENDI NAMA MAJMUK

Kata Sendi Nama Majmuk ialah Kata Sendi Nama yang mengalami pemajmukan, sama ada ditulis secara bercantum atau terpisah.

**daripada**

**kepada**

**sampai ke**

**selain daripada**

**oleh sebab**

**dari.....ke**

# KATA SENDI NAMA MAJMUK

## 19 DARIPADA

### BAGI MENUNJUKKAN ASAL SESUATU



- 19.1 Peti wang itu dibuat daripada besi waja.
- 19.2 Baju itu dibuat daripada kain sutera.
- 19.3 Peti berukiran itu dibuat daripada kayu jati.
- 19.4 Baju yang mahal itu dibuat daripada kain sutera.

# KATA SENDI NAMA MAJMUK

## 19 DARIPADA

**BAGI MENUNJUKKAN SUMBER SESUATU  
ATAU PUNCA**




- 19.5 Surat amaran itu datangnye daripada kumpulan penjahat itu.
- 19.6 Sultan membaca warkah daripada Raja Kobat Syah.
- 19.7 Bingkisan itu datangnye daripada nenek saya.
- 19.8 Fandi Ahmad menerima hantaran bola daripada Nazri Nasir.

# KATA SENDI NAMA MAJMUK

## 19 DARIPADA

BAGI MENUNJUKKAN PERBANDINGAN  
DENGAN SESUATU



- 19.9 Encik Subhan lebih gemuk daripada adiknya.
- 19.10 Kuih tradisional Melayu lebih sedap daripada sandwic dan burger ini.
- 19.11 Membaca lebih baik daripada berdiam diri.
- 19.12 Arman lebih cekap dan handal daripada pelumba basikal ini.

# KATA SENDI NAMA MAJMUK

## 20 KEPADA

BAGI MENUNJUKKAN SASARAN YANG MERUJUK SESUATU.



- 20.1 Berita itu telah dimaklumkan kepada profesor.
- 20.2 Anak itu terdedah kepada kuman.
- 20.3 Harta pusaka itu dibahagikan kepada anak-anaknya.
- 20.4 Dia memberikan susu kepada bayinya.

# KATA SENDI NAMA MAJMUK

## 20 KEPADA

### BAGI MENUNJUKKAN MAKSUD PECAHAN



- 20.5 Tukang masak itu membahagikan lauk itu kepada tiga periuk kecil.
- 20.6 Adunan itu dibahagikan kepada dua bahagian.
- 20.7 Drama itu dibahagikan kepada tiga babak.
- 20.8 Pasukan itu diasingkan kepada tiga kumpulan.

# KATA SENDI NAMA MAJMUK

## 21 OLEH SEBAB

BAGI MENUNJUKKAN MAKSUD AKIBAT.  
BOLEH DIGANTIKAN DENGAN LANTARAN /  
DEK



- 21.1 Dia terjatuh oleh sebab kelalaiannya.
- 21.2 Panglima itu mati oleh sebab senjatanya sendiri.
- 21.3 Karim lulus dengan cemerlang oleh sebab usahanya.
- 21.4 Pasukan itu kalah oleh sebab kurang semangat kekumpulan.

# KATA SENDI NAMA MAJMUK

## 22 SAMPAI KE

BAGI MENUNJUKKAN MAKSUD BATAS  
TEMPAT / WAKTU.



- 22.1 Dia akan terus belajar sampai ke liang lahad.
- 22.2 Mereka terus berlari sampai ke garisan penamat.
- 22.3 Dia mengusung mayat itu sampai ke tanah perkuburan.
- 22.4 Permainan itu terus dimainkan orang sampai ke zaman ini..

# KATA SENDI NAMA MAJMUK

## 23 SELAIN DARIPADA

### BAGI MENUNJUKKAN MAKSUD PERKECUALIAN



- 23.1 Selain daripada Encik Hamdan, tidak ada pensyarah bertaraf profesor di universiti baru itu.
- 23.2 Selain daripada gedung Padu, tidak ada pusat membeli-belah yang dibuka pada hari cuti ini.
- 23.3 Tidak ada murid yang mendapat pangkat A selain daripada Zaman.
- 23.4 Selain daripada itu, saya tidak mempunyai harta lain.

# KATA SENDI NAMA MAJMUK

## 24 ....DARI....KE

**BAGI MENUNJUKKAN MAKSUD HAD ATAU  
BATASAN**



- 24.1 Kami berbincang dari hati ke hati.
- 24.2 Dari semasa ke semasa, kami tetap berhubung.
- 24.3 Dari hari ke hari, dia tetap tidak mahu berubah.
- 24.4 Dari sewaktu ke sewaktu, kita perlu bertindak agar remaja kita menjauhi dadah..

# KATA SENDI NAMA MAJMUK

## 25 DARI..... HINGGA.....

### BAGI MENUNJUKKAN MAKSUD BATASAN



- 25.1 Dia terus bekerja dari pagi hingga petang.
- 25.2 Burung hantu itu keluar dari sarangnya dari senja hingga subuh.
- 25.3 Pusat itu dibuka dari pukul lapan pagi hingga lima petang.
- 25.4 Klinik itu menerima pesakit dari hari Isnin hingga hari Sabtu.

# KATA SENDI NAMA (IMBUHAN)

Kata Sendi Nama Imbuhan ialah Kata Sendi Nama yang mengalami pengimbuhan.

terhadap

menuju

sekitar

menjelang

selama

bersama

sepanjang

bagaikan

menurut

# KATA SENDI NAMA (IMBUHAN)

## 26 TERHADAP

**BAGI MENYATAKAN MAKSUD MERUJUK SESUATU.**



- 26.1 Janganlah zalim terhadap binatang.
- 26.2 Encik Hamzah sayang terhadap keluarganya.
- 26.3 Hakim bersikap adil terhadap pesalah itu.
- 26.4 Dia patuh terhadap orang tuanya.

# KATA SENDI NAMA (IMBUHAN)

## 27 SEBAGAI

**BAGI MENYATAKAN MAKSUD SELAKU ATAU MENJADI**



- 27.1 Sebagai anggota polis, dia harus bersikap adil.
- 27.2 Dia telah dilantik sebagai ketua pasukan bola sepak sekolahnya.
- 27.3 Sebagai anak yang baik, kita mestilah menghormati ibu bapa kita.
- 27.4 Sebagai warganegara, kita hendaklah patuh akan undang-undang.

# KATA SENDI NAMA (IMBUHAN)

## 28 BERSAMA

### BAGI MENYATAKAN MAKSUD HUBUNGAN KESERTAAN



- 28.1 Ayah menonton drama di sekolah saya bersama ibu.
- 28.2 Abang akan melancong ke Amerika bersama isterinya.
- 28.3 Cikgu Azman bersama murid-muridnya hendak berdarmawisata ke Negeri Melaka.
- 28.4 Datuk dan nenek hendak mengerjakan umrah bersama ayah ibu saya.

# KATA SENDI NAMA (IMBUHAN)

## 29 MENJELANG

**BAGI MENYATAKAN MAKSUD  
HUBUNGAN WAKTU SAAT SEBELUM**



- 29.1 Menjelang pertunjukan, badut itu jatuh sakit.
- 29.2 Abang terpaksa berangkat ke Amerika menjelang hari raya ini.
- 29.3 Murid-murid itu murung menjelang hari peperiksaan.
- 29.4 Datuk dan nenek bangkita dari tidurnya menjelang fardu subuh.

# KATA SENDI NAMA (IMBUHAN)

## 30 MENUJU

### BAGI MENYATAKAN MAKSUD HUBUNGAN TUJUAN ATAU ARAH



- 30.1 Jalan menuju ke sekolah lekak-lekuk dan perlu dibaiki.
- 30.2 Usaha menuju perdamaian akan memakan waktu yang panjang.
- 30.3 Jalan menuju kebahagiaan keluarga bukanlah suatu kerja mudah.
- 30.4 Semua aktiviti yang melibatkan pelbagai kaum menuju perpaduan negara.

# KATA SENDI NAMA (IMBUHAN)

## 31 SEKITAR

**BAGI MENYATAKAN MAKSUD HUBUNGAN RUANG GEOGRAFIS DAN WAKTU**



- 31.1 Konvokasi universiti itu akan berlangsung sekitar Julai.
- 31.2 Pilihan raya umum Singapura mungkin diadakan sekitar bulan Mei.
- 31.3 Pokok rempah-ratus akan ditanam secara besar-besaran sekitar estet perumahan itu
- 31.4 Rumah-rumah sekitar lapangan terbang itu akan dirobuhkan.

# KATA SENDI NAMA (IMBUHAN)

## 32 SELAMA

**BAGI MENYATAKAN MAKSUD HUBUNGAN WAKTU**



- 32.1 Kejohanan bola sepak itu akan berlangsung selama seminggu.
- 32.2 Dia boleh menyelam tanpa bantuan oksigen selama empat jam.
- 32.3 Budak sekecil itu mampu berpuasa selama sebulan.
- 32.4 Selama seminggu, kami tidak bertegur sapa.

# KATA SENDI NAMA (IMBUHAN)

## 33 SEPANJANG

**BAGI MENYATAKAN MAKSUD HUBUNGAN WAKTU / LOKASI**



- 33.1 Sepanjang hari, Kartini menelaah pelajarannya.
- 33.2 Sepanjang perjalanan, dia hanya mendiamkan diri.
- 33.3 Dia terus beramal dan beribadat sepanjang Ramadan.
- 33.4 Lampu kelap-kelip yang berwarna-warni dipasang sepanjang lorong itu.

# KATA SENDI NAMA (IMBUHAN)

## 34 BAGAIKAN

### BAGI MENYATAKAN MAKSUD HUBUNGAN PEMIRIPAN



- 34.1 Pidatonya lancar dan bernas bagaikan seorang munsyi berpidato.
- 34.2 Wanita muda itu ayu bagaikan tuan puteri.
- 34.3 Guru sentiasa berkorban dan menyinari hidup anak didiknya bagaikan sebatang dian.
- 34.4 Kawasan itu sunyi dan gelap bagaikan malam yang tidak berbintang.

# KATA SENDI NAMA (IMBUHAN)

## 35 MENURUT

### BAGI MENYATAKAN MAKSUD HUBUNGAN SUMBER



- 35.1 Menurut Profesor Atkin, dunia akan musnah dua alaf lagi.
- 35.2 Menurut bapa hidup kita akan gelap jika kita malas menimba ilmu.
- 35.3 Lantaran tsunami, sebahagian negara itu akan tenggelam, menurut pakar kaji cuaca.
- 35.4 Menurut Ustaz Azmi, belia kita terpesong disebabkan tipis imannya.

**LATIHAN 1** : Isikan tempat kosong dengan Kata Sendi Nama yang sesuai:

- 1 Dia marah ..... sahabatnya kerana sahabatnya telah membuka rahsia mereka.
- 2 Penjahat yang ditangkap ..... Sarjan Helmi telah dimasukkan ke dalam penjara.
- 3 Askar itu berjuang mati-matian kerana amat cinta ..... negaranya.
- 4 Budak itu menonton rancangan televisyen itu ..... dini hari.
- 5 Janganlah kamu bersikap biadab ..... kedua-dua orang tua kamu itu.

- 6 Dia membelikan jam tangan itu ..... ibunya yang akan menyambut hari jadinya.
- 7 Saya tidak percaya kepadanya kerana pendiriannya tidak tegas ..... lalang ditiup angin.
- 8 Kakak Liyana berlakon ..... Puteri Kimono dalam drama itu.
- 9 Kamil tinggal di Kampung Gemuruh ..... tiga tahun dulu.
- 10 Dia tidak suka ..... lelaki yang berjambang itu.

- 11 Derma ..... rumah anak-anak yatim akan dikumpulkan pada bulan Ramadan ini.
- 12 Semua kemudahan yang terdapat di kelab itu ditaja ..... Syarikat Maju Padu..
- 13 Mereka berbincang ..... masalah yang dihadapi oleh keluarganya.
- 14 Setiap malam, dia mengulang kaji pelajarannya ..... matanya mengantuk.
- 15 Pelawat-pelawat muda itu tercengang-cengang ..... rusa masuk ke kampung.

- 16 Pak Karman cuba memikat burung itu  
..... Pukul lapan pagi tadi.
- 17 Janganlah kamu bersikap kejam .....  
binatang-binatang peliharaan kamu itu.
- 18 Wanita itu tidak waras ..... anaknya hilang di  
sungai yang deras itu.
- 19 Buku cerita yang baru diterbitkan itu ditulis  
..... Muhammad Nazri.
- 20 Profesor itu menyampaikan ceramah .....  
Asal Usul Bahasa Melayu.

**LATIHAN 2** : Kesan Kata Sendi Nama dalam ayat berikut. Kemudian, nyatakan betul tidaknya penggunaan kata Sendi Nama tersebut. Jika salah, betulkan dengan yang benar.

- 1 Kami mendapat pengetahuan yang berguna dari rancangan itu.
- 2 Dia dan keluarganya tiba pada pukul sembilan malam.
- 3 Doktor muda itu akan memberikan ceramah tentang penyakit aids.
- 4 Akibat mabuk, gelas minuman itu dihempaskannya di lantai.
- 5 Sulaiman dan Daud hendak berjumpa oleh doktor

- 6 "Kamu mestilah hormat akan orang tua kamu," kata cikgu.
- 7 Kumar suka akan durian dan rambutan yang ditanam Pak Abu.
- 8 Lori itu berbelok di kiri lalu melanggar sebatang tiang lampu.
- 9 Pengembara daripada negeri India itu hendak mengelilingi dunia.
- 10 Kejadian kecurian itu telah dilaporkan ke pihak polis.

- 11 Pelancong-pelancong itu datang daripada Utara England.
- 12 Dia hendak berjumpa dengan Ali pada hari ini.
- 13 Cikgu memberikan ceramah tentang dadah kepada para pelajar itu.
- 14 Menurut para saintis, berjuta-juta orang akan mati akibat virus aids yang semakin menular.
- 15 Pakaian ini lebih menarik dari pakaian yang dipamerkan di atas pentas itu.

- 16 Fazil telah dilantik sebagai ketua kumpulan pelangi.
- 17 Mangkuk yang digunakan di restoran itu dibuat dari plastik.
- 18 Duit yang ada di Mamat akan kami simpan.
- 19 Daripada pendapat saya, kejadian itu sungguh memalukan.
- 20 Guntur dan keluarganya akan berpindah di Estet Perumahan Bedok.

**TAMAT**